

# Fasal 2: Pilihan Raya Umum MASAF

---

## Bahagian A : Akta Pilihan Raya

### *Perkara 1: Mandat Barisan Kepimpinan*

- 1.1** Tempoh mandat minimum adalah 10 bulan dan tidak melebihi 13 bulan. Sesi mandat tidak boleh berakhir lebih lewat dari tarikh rasmi bermulanya cuti musim panas di Perancis.
- 1.2** Sesi mandat yang biasa bermula pada bulan Jun tahun sebelumnya sehingga bulan Jun pada tahun berikutnya. Mandat ini boleh bermula pada bila-bila masa asalkan memenuhi Perkara 1.1.
- 1.3** Tiada pemanjangan tempoh mandat dibenarkan kecuali merasakan ianya perlu dan mendapat izin daripada Penaung MASAF.
- 1.4** Hanya jawatan-jawatan di dalam AJK Tertinggi MASAF sahaja yang dipertandingkan. AJK yang dilantik (*seperti ahli WebTeam, wakil bandar, dan sebagainya*) adalah tidak terjejas dan boleh meneruskan lantikan itu pada tahun seterusnya sekiranya tiada halangan oleh barisan kepimpinan yang baru (*rujuk penerangan di dalam Perkara 13*).

### *Perkara 2: Pembubaran dan Tarikh Pilihan Raya*

- 2.1** Barisan MASAF perlulah memberi laluan kepada proses pilihan raya mengambil tempat sekali dalam tempoh setahun selewat-lewatnya sebulan sebelum mandat berakhir.
- 2.2** Presiden mempunyai hak mutlak bagi menentukan tarikh pilihan raya dan menentukan tarikh peralihan kuasa bagi barisan kepimpinan yang baru.
- 2.3** Satu badan bebas dilantik oleh barisan kepimpinan MASAF yang diwakili oleh AJK Tertinggi MASAF itu sendiri dan dianggotai oleh wakil dari luar MASAF bagi menjamin ketelusan.

### *Perkara 3: Penubuhan Suruhanjaya Bebas*

- 3.1** Satu suruhanjaya bebas (*juga dikenali sebagai Election Team yang selepas ini disebut sebagai badan bebas*) ditubuhkan bagi mengendalikan sepenuhnya proses pilihan raya bermula dari sesi penamaan calon sehinggalah mengeluarkan keputusan undian.
- 3.2** Badan ini mempunyai kuasa penuh terhadap segala keputusan di dalam proses kendalian pilihan raya asalkan mematuhi segala peruntukan perlembagaan ini. Keputusannya tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak dari luar badan ini.
- 3.3** Ahlinya boleh terdiri dari sesiapa sahaja yang berumur 18 tahun ke atas (*termasuklah AJK MASAF serta yang bukan warganegara Malaysia*).
- 3.4** Pengerusi badan ini dilantik dengan mendapat persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga sokongan daripada AJK Tertinggi MASAF.

- 3.5** Pengerusi badan ini bertindak untuk memilih sesiapa sahaja yang dirasakan sesuai. Bilangan anggotanya adalah menurut budi bicara Pengerusi dengan tidak kurang dari tiga anggota dan mestilah dianggotai oleh sekurang-kurangnya seorang dari AJK Tertinggi MASAF dan seorang anggota dari luar MASAF.
- 3.6** Calon-calon bertanding dan sesiapa sahaja yang memberikan sokongan terbuka kepada calon-calon, serta yang mempunyai pertalian dengan calon (seperti adik beradik, suami isteri) tidak boleh menjadi ahli kepada badan ini.
- 3.7** Badan ini perlulah mengendalikan pilihan raya mengikut peruntukan yang telah ditetapkan di dalam Perkara 2. Badan ini bebas menentukan peraturan-peraturan tambahan dan strategi pilihan raya (bilangan jawatan, bilangan pusingan pilihan raya, dsb) berpandukan nasihat atau cadangan dari AJK Tertinggi MASAF.
- 3.8** Badan ini akan dibubarkan apabila:
  - a) Tamatnya sesi pilihan raya pada tahun tersebut.
  - b) Sekiranya terdapat unsur-unsur penyelewengan atau berat sebelah dalam mengendalikan proses undian yang dibuktikan kesahihannya. Satu badan yang baru dilantik bagi menggantikan badan ini.

#### ***Perkara 4: Kelayakan Daftar Mengundi***

- 4.1** Semua rakyat Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas, dan sedang menuntut di institusi pengajian di Perancis serta berdaftar dengan kedutaan Malaysia layak untuk mengundi.
- 4.2** Untuk mendapat kelayakan membuang undi, setiap pengundi yang layak perlulah mendaftar sebagai pengundi bagi membuat pengesahan identiti dengan pihak kedutaan Malaysia.
- 4.3** Hanya pengundi yang telah mendaftar sebelum tarikh tutup daftar mengundi sahaja yang layak mendapat hak membuang undi.
- 4.4** Badan bebas boleh melanjutkan tarikh daftar mengundi jika dirasakan perlu tetapi tidak ada sesiapa pun dibenarkan mendaftar selepas tamatnya tarikh daftar mengundi walau dengan apa-apa alasan sekalipun.

#### ***Perkara 5: Kelayakan Mencalon***

- 5.1** Secara amnya, semua rakyat Malaysia yang layak mengundi adalah layak untuk mencalonkan diri (*yang selepas ini disebut sebagai individu*) bagi jawatan-jawatan yang dipertandingkan.
- 5.2** Badan bebas bertanggungjawab menerangkan portfolio bagi setiap jawatan dengan jelas sebelum atau semasa bermulanya tarikh penamaan calon.
- 5.3** Bagi jawatan Presiden dan Naib Presiden, pencalonan dihadkan kepada individu yang telah menuntut sekurang-kurangnya dua tahun akademik di Perancis.
- 5.4** Bagi jawatan-jawatan lain, pencalonan terbuka kepada individu yang telah menuntut sekurang-kurangnya satu tahun akademik di Perancis.
- 5.5** Pencalonan adalah bersifat sendiri. Segala pencalonan yang dilakukan oleh pihak ketiga perlulah mendapat pengetahuan pihak yang dicalon itu terlebih dahulu.

## Bahagian B: Peruntukan Proses Pilihan Raya

### Perkara 6: Penamaan Calon

- 6.1 Tarikh penamaan calon ditetapkan oleh badan bebas. Tempoh penamaan calon adalah sekurang-kurangnya satu minggu.
- 6.2 Seseorang individu hanya layak untuk mencalonkan diri bagi satu jawatan yang dipertandingkan sahaja.
- 6.3 Individu yang telah disahkan pencalonannya (*yang selepas ini disebut sebagai calon*) adalah layak untuk bertanding bagi jawatan yang dipilihnya.
- 6.4 Bagi jawatan Presiden dan Naib Presiden, calon yang akan menyandang jawatan ini perlulah menang dengan bertanding. Tiada kemenangan tanpa bertanding dibenarkan bagi kedua-dua jawatan ini.
- 6.5 Sekiranya tiada calon bagi kedua-dua jawatan ini, badan bebas perlu memanjangkan tempoh penamaan calon dan mengambil sebarang bentuk inisiatif bagi mempromosikan kekosongan kedua-dua jawatan ini.
- 6.6 Bagi jawatan-jawatan yang lain, kemenangan tanpa bertanding diberikan sekiranya hanya satu individu sahaja yang mencalonkan diri.
- 6.7 Individu yang telah mencalonkan diri boleh menukar jawatan yang ingin dipertandingkan sekali sahaja dan tidak boleh menukar jawatan tersebut selepas tamat tempoh pencalonan.
- 6.8 Calon yang menarik diri dari bertanding adalah muktamad dan tidak dibenarkan menukar keputusannya pada sesi pilihan raya tahun tersebut.

### Perkara 7: Kempen Pilihan Raya

- 7.1 Kempen boleh bermula sejurus selepas badan bebas menyenaraikan senarai calon yang bertanding.
- 7.2 Calon-calun hendaklah menghantar manifesto masing-masing kepada badan bebas untuk disalurkan kepada pengetahuan umum. Manifesto boleh dikarang dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa Perancis sahaja.
- 7.3 Setiap calon boleh berkempen dengan menggunakan apa-apa pendekatan sekalipun sama ada melalui poster, video dan sebagainya dan boleh disalurkan melalui pelbagai medium seperti email, laman web MASAF atau laman web calon, blog serta melalui laman sosial.
- 7.4 Calon yang berkempen boleh dibantu oleh para penyokongnya.
- 7.5 Selepas tarikh berkempen tamat, setiap calon tidak lagi dibenarkan mengubah manifesto serta menambah atau menukar apa-apa bahan yang telah digunakan untuk berkempen. Sebarang aktiviti berbentuk kempen secara terbuka adalah tidak dibenarkan selepas tarikh ini.

### **Perkara 8: Membuang Undi**

- 8.1** Badan bebas menetapkan saluran yang digunakan untuk mengundi serta tarikh dan masa undian dibuka dan ditutup.
- 8.2** Badan bebas bertanggungjawab menyediakan talian atau medium bagi memudahkan para pengundi berhubung sekiranya terdapat masalah teknikal.
- 8.3** Masa membuang undi disyorkan adalah di antara 24 hingga 36 jam.
- 8.4** Badan bebas tidak dibenarkan mengikuti keputusan undian secara langsung (*live results*) selagi undian belum ditutup.
- 8.5** Segala undian adalah rahsia dan badan perlu mengambil langkah sebaik mungkin bagi menjamin perkara ini.
- 8.6** Selepas masa membuang undi dibuka, badan bebas tidak lagi dibenarkan untuk melanjutkan masa undian ditutup melainkan dengan justifikasi yang kukuh.
- 8.7** Setiap pengundi mendaftar hanya boleh mengundi satu calon sahaja bagi setiap jawatan yang dipertandingkan.
- 8.8** Tiada undi dibenarkan sebelum atau selepas masa membuang undi yang telah ditetapkan.

### **Perkara 9: Keputusan Undian**

- 9.1** Kiraan undi atau membuka keputusan undian hendaklah dilakukan di hadapan sekurang-kurangnya tiga orang saksi di mana sekurang-kurangnya salah seorang daripadanya adalah anggota badan bebas.
- 9.2** Satu memorandum pengisytiharan calon-calon yang menang mengikut jawatan berserta jumlah undian hendaklah diisi dan ditandatangani oleh tiga orang saksi sebelum keputusannya dihebahkan kepada umum.
- 9.3** Keputusan hendaklah diumumkan selewat-lewatnya enam jam selepas undian ditutup.
- 9.4** Memorandum tersebut hendaklah dibuat salinan dan dihantar kepada Penaung MASAF serta kepada pihak-pihak yang terlibat (*bekas presiden MASAF, Pegawai Pelajar, dsb*).
- 9.5** Segala keputusan undian adalah muktamad dan tidak boleh dipinda melainkan atas sebab – sebab tertentu seperti dinyatakan di dalam Perkara 10.

### **Perkara 10: Undian Kali Kedua**

- 10.1** Undian kali kedua dilakukan sekiranya berlaku kes-kes yang berikut:
  - a) Tiada majoriti: terdapat dua calon yang menang disebabkan mendapat jumlah undi yang sama.
  - b) Calon yang menang menarik diri selepas diisytiharkan kemenangannya dan meninggalkan lebih dari seorang pencabar dalam jawatan yang dipertandingkan itu.
  - c) Terdapat unsur-unsur penyelewengan dalam proses pengundian yang telah dibuktikan kesahihannya.

## Bahagian C: Jawatan dan Portfolio

### Perkara 11: Peralihan Kuasa

- 11.1 Seperti di dalam Perkara 2.2, Presiden terdahulu berhak menentukan tarikh peralihan kuasa kepada barisan AJK Tertinggi MASAF yang baru pada bila-bila masa selepas berakhirnya aktiviti terakhir yang dikendalikan oleh barisan kepimpinannya.
- 11.2 Sekiranya tiada tarikh ditetapkan, peralihan kuasa berlaku secara automatik pada tarikh bermulanya cuti musim panas di Perancis.
- 11.3 AJK Tertinggi MASAF terdahulu perlulah mengadakan mesyuarat dengan barisan kepimpinan yang baru bagi memberi taklimat sebelum penyerahan kuasa dilakukan.
- 11.4 Selepas tarikh penyerahan kuasa, barisan AJK Tertinggi MASAF terdahulu tidak lagi berhak mengakses email rasmi MASAF serta semua pangkalan data MASAF melainkan mendapat izin dari barisan AJK Tertinggi MASAF yang baru.

### Perkara 12: Tanggungjawab Pemegang Portfolio

- 12.1 Setiap AJK Tertinggi MASAF perlulah melakukan tugas dan memainkan peranan masing-masing mengikut portfolio yang telah ditetapkan.
- 12.2 Skop tugas setiap jawatan tidak hanya tertakluk kepada portfolio yang dipegang malah perlu melaksanakan tugas-tugas lain yang ditetapkan oleh Presiden jika dirasakan perlu terutamanya dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti penting MASAF.
- 12.3 Kegagalan atau keengganan melaksanakan tugas yang diberikan boleh membawa kepada pelucutan jawatan yang disandang yang diterangkan di dalam Perkara 16.

### Perkara 13: Penambahan AJK MASAF

- 13.1 AJK Tertinggi berhak menambah keanggotaan dengan melantik AJK yang baru bagi mengendalikan aktiviti-aktiviti terutamanya yang bersifat berterusan (*seperti wakil bandar, AJK WebTeam, Editorial Board*).
- 13.2 Portfolio para AJK adalah dengan melaksanakan peranan spesifiknya sahaja. Ahli ini berhak menolak tugas-tugas yang dirasakan di luar bidang portfolionya.
- 13.3 AJK ini adalah bersifat kekal dan tidak dipengaruhi oleh pilihan raya. Keahliannya sebagai AJK hanya tamat apabila:
  - a) Tamatnya tempoh pengajiannya di Perancis.
  - b) Ahli tersebut menarik diri dari menjadi AJK.
  - c) Ditamatkan perkhidmatannya oleh pihak AJK Tertinggi MASAF.

#### **Perkara 14 : Penambahan Jawatan Baru**

- 14.1** Ahli AJK Tertinggi MASAF boleh ditambah dengan membentuk jawatan yang baru sekiranya benar-benar dirasakan relevan. Satu garis panduan perlu dibuat bagi mengenalpasti peranan portfolio jawatan tersebut serta mengkaji sejauh mana keperluan menambah jawatan terbabit.
- 14.2** Kelulusan penambahan jawatan adalah terletak pada kuasa Presiden namun ianya perlu mendapat sokongan dua pertiga dari AJK Tertinggi MASAF termasuk individu yang mungkin terjejas atas pertambahan jawatan terbabit, sama ada dari sudut penukaran jawatan, atau perubahan ketara terhadap portfolio yang disandang.

#### **Perkara 15: Penukaran Jawatan dan Perubahan Portfolio**

- 15.1** Bagi jawatan selain Presiden dan Naib Presiden, penukaran portfolio atau penukaran jawatan boleh dilaksanakan jika benar-benar perlu sahaja dengan mendapat persetujuan Presiden dan mendapat persetujuan kedua-dua pihak yang terlibat dalam penukaran tersebut.
- 15.2** Tiada penukaran jawatan boleh dilakukan bagi jawatan Presiden dan Naib Presiden namun portfolio bagi kedua-dua jawatan ini boleh diubah.
- 15.3** Bagi perubahan dalam portfolio, perubahannya hanya boleh dilakukan dengan mendapat persetujuan Presiden serta penyandang jawatan terbabit.
- 15.4** Penyandang jawatan tersebut berhak menolak perubahan dalam portfolionya sekiranya dia merasakan perubahannya itu adalah sangat ketara dan bertentangan dengan skop tugas yang telah dibentang semasa tarikh penamaan calon (*rujuk Perkara 5.2*).

#### **Perkara 16: Perlucutan Jawatan Bukan Presiden**

- 16.1** Perlucutan jawatan boleh berlaku apabila:
  - a) Keengganan melakukan tugas-tugas yang telah dipersetujui di dalam portfolionya.
  - b) Presiden merasakan seseorang AJK Tertinggi terbabit tidak lagi layak memegang portfolionya dan penukaran jawatan terhadap AJK terbabit juga dilihat tidak akan menyelesaikan masalah.
  - c) Pemegang jawatan tersebut melanggar etika bekerja seperti penyelewengan atau pecah amanah.
- 16.2** Presiden perlu membuat panggilan tunjuk sebab bersaksikan semua AJK Tertinggi bagi individu terbabit membela diri.
- 16.3** Sekiranya Presiden tidak berpuas hati dengan alasan individu terbabit, Presiden berkuasa melucutkan jawatan individu terbabit dengan mendapat sokongan daripada melebihi 50 peratus dari ahli AJK Tertinggi.
- 16.4** Kekosongan jawatan itu boleh diisi dengan lantikan oleh Presiden dengan sokongan melebihi 50 peratus dari ahli AJK Tertinggi.
- 16.5** AJK Tertinggi yang telah dilucutkan jawatannya itu tidak lagi dibenarkan bertanding untuk apa-apa jawatan bagi tahun-tahun yang akan datang.

### **Perkara 17 : Perlucutan Jawatan Presiden**

- 17.1** Tindakan perlucutan jawatan Presiden boleh dikenakan apabila berlakunya perkara-perkara yang disebutkan di dalam Perkara 16.1.
- 17.2** Seorang wakil dilantik dalam kalangan AJK Tertinggi (sebaiknya jawatan kedua tertinggi selepas Presiden) untuk mengusulkan undi tidak percaya terhadap kredibiliti Presiden.
- 17.3** Wakil ini akan menyediakan satu petisyen menyatakan sebab-sebab secara terperinci berkenaan perlunya Presiden dilucutkan. Petisyen ini perlu ditandatangani sekurang-kurangnya 50 peratus dari ahli AJK Tertinggi.
- 17.4** Petisyen ini akan dihantar dan dibincangkan antara wakil yang dilantik dengan Penaung MASAF.
- 17.5** Hanya Penaung MASAF mempunyai kuasa untuk melucutkan jawatan Presiden.
- 17.6** Kekosongan jawatan Presiden adalah bersifat kekal dan tidak lagi boleh diisi pada tahun itu. Naib Presiden berfungsi sebagai pemangku jawatan tersebut.
- 17.7** Presiden yang telah dilucutkan jawatannya tidak lagi dibenarkan bertanding untuk apa-apa jawatan bagi tahun-tahun yang akan datang dan tidak boleh menuntut apa-apa hak dari pihak MASAF.